

14 NOV 1997

Amerika-Mahathir

TINDAKAN MENYERU DR MAHATHIR LETAK JAWATAN TIDAK PRODUKTIF

Daripada: Salmy Hashim

WASHINGTON, 14 Nov (Bernama) -- Jabatan Negara Amerika Syarikat telah menasihatkan salah seorang daripada anggota kongres yang menyokong draf usul meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, bahawa tindakan itu tidak produktif.

Menurut seorang pegawai AS pada Khamis, "tindakan itu tidak produktif dan boleh menyebabkan reaksi kuat dari Malaysia".

Anggota kongres itu, salah seorang daripada 27 orang yang menyokong draf usul itu telah dihubungi melalui telefon tetapi "tiada apa yang dibuat dalam tulisan", kata pegawai itu yang tidak menyatakan identiti ahli kongres itu.

Beliau berkata, teks pada draf itu yang mengecam Perdana Menteri Malaysia kerana mengeluarkan kata-kata anti Amerika dan anti-Yahudi bukanlah muktamad tetapi boleh diubah memandangkan ramai lagi akan melihat draf itu.

Kerajaan AS "berminat" dalam kandungan draf itu tetapi ia tidak terlibat dalam membuat draf usul itu.

"Jabatan negara tidak terlibat dalam sebarang rundingan formal dengan kongres. Ini semuanya di bawah kongres," kata beliau.

Draf usul itu dikemukakan oleh anggota kongres parti Demokrat dari Florida, Robert Wexler.

Dalam satu surat kepada Dr Mahathir, anggota-anggota kongres itu mendesak Dr Mahathir memohon maaf terhadap kata-katanya itu ataupun meletakkan jawatan.

Tindakan kongres itu menerima bantahan di Malaysia sehingga parti pembangkang turut mengecam draf usul itu dan menganggap tindakan itu sebagai masuk campur dalam urusan dalam negara ini.

Dr Mahathir telah menjelaskan yang kata-kata beliau menyalahkan pembiaya kewangan Amerika, George Soros, yang juga seorang Yahudi kerana krisis mata wang di Asia Tenggara telah disalahtafsirkan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Pegawai yang sama berkata, Amerika memandang serius ugutan bunuh terhadap rakyatnya di Malaysia dan mengambil langkah-langkah untuk melindungi rakyatnya di Malaysia.

Kerajaan Amerika sangat berpuas hati dengan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia dalam menyasat ugutan itu, kata beliau lagi.

Tiada langkah luar biasa akan diambil untuk melindungi kedutaan negara itu di sini, tetapi para pegawainya akan tetap berjaga-jaga, kata beliau.

Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur telah menerima dua panggilan ugutan yang menyatakan empat rakyat Amerika di sini akan dibunuh. Sehari sebelum itu empat rakyat Amerika yang bertugas dengan sebuah syarikat petroleum negara itu ditembak mati oleh sekumpulan lelaki di Karachi, Pakistan.

Kedutaan Amerika semalam mengeluarkan kenyataan yang menasihatkan rakyatnya di Malaysia supaya sentiasa berjaga-jaga dan melaporkan kepada polis sebarang tingkah laku yang menimbulkan keraguan ataupun mengancam.

Terdapat lebih kurang 6,100 rakyat Amerika di Malaysia. Daripada jumlah ini, 235 adalah pegawai-pegawai yang mewakili pelbagai agensi kerajaan Amerika sementara yang lain ialah eksekutif syarikat-syarikat yang bertugas di Malaysia.

Pada masa yang sama dianggarkan lebih kurang 20,000 penuntut ataupun pelancong kini berada di Malaysia, menurut pegawai itu lagi.

-- BERNAMA

SAL PR